

RINGKASAN EKSEKUTIF
KAJIAN SEPARUH PENGGAL

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025

MALAYSIA MADANI: MAMPAN,
SEJAHTERA, BERPENDAPATAN TINGGI



“ Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merupakan jaminan yang teguh daripada Kerajaan untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan rakyat dengan usaha dan upaya memaknani semangat Malaysia MADANI berteraskan Ekonomi MADANI. ”

Prakata

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merupakan jaminan yang teguh daripada Kerajaan untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan rakyat dengan usaha dan upaya memaknani semangat **Malaysia MADANI** berteraskan Ekonomi MADANI. Dalam konteks ini, dua tahun terakhir pelaksanaan RMKe-12 menjadi titik penting serta kritikal dalam memastikan perencanaan berterusan untuk melonjak pembangunan negara dengan mengangkat darjat serta memperkasa rakyat. Ia meliputi pelbagai lapangan, termasuk ekonomi, sosial, dan politik, yang perlu disesuaikan dengan aspirasi bersama Malaysia MADANI, yakni satu visi dan tatacara yang mencakupi aspek keadilan, kepelbagaian, keharmonian, dan kemajuan.

Tempoh dua tahun terakhir ini juga membuka peluang kepada Kerajaan Perpaduan untuk mengambil tindakan yang berani, proaktif dan inovatif untuk merangkul aspirasi rakyat serta mendepani tantangan yang merundung negara sekian lama. Lantaran itu, pendekatan '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**' menggariskan beberapa keutamaan serta tumpuan pada pembangunan ekonomi yang pastinya akan mempertingkatkan tahap kesejahteraan rakyat dan melonjak ekonomi Malaysia ke depan.

Melalui ikhtiar ini, Malaysia berusaha untuk menggapai satu tahap yang lebih tinggi dalam pembangunan, memastikan bahawa setiap individu merasai dampak positif daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Oleh yang demikian, KSP RMKe-12 menjadi tonggak penting dalam perjalanan menuju kepada Malaysia yang lebih inklusif, dinamik, dan berdaya saing, di mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat diberikan keutamaan utama.

Bagi menyempurnakan agenda ini, kita dituntut supaya segera mengambil langkah-langkah yang perlu dan penting untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia serta menekankan peri penting menambah baik tatakelola kerajaan bagi mengembalikan keyakinan terhadap sistem dan kerajaan.

Dalam usaha menjadi peneraju ekonomi Asia, kita perlu merombak struktur ekonomi, meningkatkan daya saing pelaburan dan memperluas pasaran ke rantau ASEAN. Sumber pertumbuhan ekonomi juga akan dipelbagaikan dengan menumpukan kepada aktiviti ekonomi yang punyai kesan besar dan melimpah. Pengukuhan daya saing firma tempatan, daripada syarikat pemula sehingga syarikat tersenarai yang didukung oleh pasaran modal yang berdaya saing akan dapat melahirkan lebih banyak syarikat tempatan yang berjaya.

Langkah untuk pembaharuan dan pengembangan kewangan Islam akan dipercepat supaya Malaysia boleh menjadi peneraju ekonomi Islam global. Selain itu, perusahaan mikro dan kecil serta sektor informal akan diurus perdana untuk menjana pendapatan lebih tinggi. Usaha untuk mempercepat pertumbuhan hijau bagi menjamin ketahanan iklim dan meningkatkan produktiviti daripada penggunaan tanah untuk keterjaminan makanan akan dapat menjamin kemampunan ekonomi.

Hasrat Kerajaan untuk mengangkat darjat hidup rakyat akan direalisasikan melalui penyediaan perlindungan sosial yang lebih baik dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, peningkatan peluang pekerjaan dan pampasan pekerja, reformasi sistem pendidikan dan pembangunan sumber manusia serta penyediaan perumahan mampu milik. Selain itu, penyediaan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat termasuk pengangkutan awam, bekalan air dan elektrik serta perkhidmatan jalur lebar akan membuka peluang yang lebih saksama kepada rakyat untuk meningkatkan kualiti hidup.

Kerajaan juga perlu mendapatkan semula kepercayaan rakyat dengan memastikan tatakelola yang baik dalam pentadbiran negara, institusi awam dan penegakan prinsip-prinsip yang demokratik. Nilai insaniah akan dimantapkan dengan menjulang tinggi prinsip kebertanggungjawab dan aspek integriti. Nilai-nilai ini seharusnya mengetuk pintu sanubari setiap rakyat untuk mendukung iltizam murni kita dalam membina sebuah perencanaan yang baharu buat Malaysia.

Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan keringat dalam penyediaan KSP RMKe-12 ini. Banyak perbincangan telah dilaksanakan dengan pelbagai pihak termasuk Kementerian, agensi dan kerajaan negeri serta sektor swasta dan pertumbuhan masyarakat madani bagi memastikan strategi dan inisiatif yang komprehensif dapat dipacul dan dilaksanakan.

Marilah kita sama-sama beriltizam untuk menjayakan agenda KSP RMKe-12 ini yang bertemakan '**Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**'. Sesungguhnya ikhtiar ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Insha-Allah dengan komitmen yang jitu daripada kita semua berlandaskan pendekatan Malaysia MADANI, kejayaan pasti menjadi milik kita bersama.

ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri
Putrajaya

11 September 2023

Kata Aluan

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) yang bertemakan '**Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**' merupakan dokumen dasar utama Kerajaan Perpaduan bagi merealisasikan wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'. KSP RMKe-12 menjadi titik tolak kepada usaha menangani cabaran utama ekonomi negara iaitu kesenjangan pembangunan dan pendapatan, ruang fiskal yang terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

Dalam tempoh kajian semula, 2021-2022, Malaysia mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang memberangsangkan walaupun mengharungi pelbagai cabaran domestik dan global. Melangkah ke hadapan, negara perlu lebih kalis cabaran dalam mendepani risiko dan ketidaktentuan ekonomi global di samping mempercepat peralihan struktur dan merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, kajian semula dasar dan strategi RMKe-12 adalah mustahak untuk memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang disasarkan.

Rangka kerja KSP RMKe-12 menggariskan pemacu utama, iaitu mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Ini akan melibatkan usaha memperkukuhkan tatakelola, antaranya merangkumi rangka kerja institusi serta perundangan berkaitan rasuah dan *rent-seeking*. KSP RMKe-12 juga mengetengahkan tiga fokus utama, iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.

Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan meliputi strategi dan inisiatif penting yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. Antara Anjakan Besar ini termasuk pembangunan industri *high growth high value* (HGHV), pengukuhan kemampanan fiskal, penyasaran semula subsidi, peralihan tenaga yang lebih cepat, peluasan teknologi dan pendigitalan melalui *GovTech* serta pemerksaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Di samping itu, reformasi perlindungan sosial, pembudayaan masyarakat MADANI, peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam serta reformasi pasaran buruh dan gaji bagi memastikan ketersediaan bakat masa hadapan juga merupakan sebahagian daripada Anjakan Besar ini.

Keterlibatan semua pihak dalam penyediaan KSP RMKe-12 ini menterjemahkan semangat kebertanggungjawaban bersama seluruh rakyat Malaysia. Dalam merealisasikan reformasi dan Anjakan Besar ini, semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil dan rakyat perlu berganding bahu mempercepatkan pelaksanaan dasar dan strategi KSP RMKe-12. Insya-Allah, dengan usaha gigih dan semangat kebersamaan, kita mampu mencapai matlamat yang dihasratkan.

RAFIZI RAMLI
Menteri Ekonomi
Putrajaya

11 September 2023

“ Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan meliputi strategi dan inisiatif penting yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. ”



Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) ialah perancangan jangka sederhana dengan objektif untuk mencapai 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan'. Dalam tempoh kajian semula, 2021-2022, Malaysia mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang memberangsangkan walaupun melalui cabaran pada peringkat global dan domestik. Walau bagaimanapun, cabaran ini perlu terus ditangani bagi memastikan outcome yang disasarkan tercapai. Oleh itu, adalah penting untuk menyemak semula sasaran, dasar dan strategi RMKe-12 bagi memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang betul.

Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12, 2023-2025 mengandungi dasar dan strategi yang disemak semula ke arah mencapai wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**' yang akan mengembalikan maruah dan martabat rakyat serta membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan sejahtera. KSP RMKe-12 adalah berdasarkan tema '**Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**'. Usaha mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam menjadi pemacu utama yang akan mempercepat pelaksanaan tiga bidang fokus utama, iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan sebagai strategi yang memangkin usaha mempercepat tindakan ke arah mencapai outcome yang disasarkan. Dokumen KSP RMKe-12 mengandungi lapan bab utama yang diganding dengan bab Perspektif Menyeluruh di samping bab Pasca 2025 sebagai pramula kepada Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030. Matlamat akhir KSP RMKe-12 adalah untuk memastikan supaya tiada rakyat yang tertinggal daripada mendapat faedah pembangunan sosioekonomi dan mempunyai peluang yang saksama untuk meningkatkan taraf hidup serta menyediakan masa depan yang cerah buat generasi akan datang, tanpa mengira kaum, lokasi, jantina dan latar belakang sosioekonomi.

Prestasi, 2021-2022

Prestasi Ekonomi

Dalam tempoh kajian semula, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan 5.9% setahun, melebihi sasaran yang ditetapkan, diterajui oleh peningkatan produktiviti buruh dan aktiviti sektor swasta. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 4.9% setahun, disokong oleh perolehan mesin dan peralatan (M&E). Pasaran buruh bertambah baik, mendorong kepada pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi sebanyak 3.7% setahun dan kadar pengangguran yang berkurang kepada 3.9% pada tahun 2022. Selain itu, kadar purata inflasi meningkat kepada 2.9% setahun. Dari segi perdagangan luar, eksport kasar meningkat sebanyak 25.5% setahun, didorong oleh peningkatan permintaan produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum serta bahan kimia dan produk kimia. Import kasar berkembang sebanyak 27.1% setahun disebabkan permintaan berterusan bagi barangan pengantara, modal dan penggunaan. Akaun semasa kekal dalam lebihan sebanyak RM55.1 bilion atau 3.2% kepada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2022, disokong oleh peningkatan lebihan barangan yang ketara. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kepada KDNK mengecil daripada 6.2% pada tahun 2020 kepada 5.6% pada tahun 2022. Selain itu, PNK per kapita adalah lebih tinggi pada RM52,968 (AS\$12,035) pada tahun 2022 berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada tahun 2020. Kesejahteraan rakyat, seperti ditunjukkan melalui Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) tahun 2021 juga bertambah baik sejajar dengan kemajuan ekonomi.

Usaha untuk memperkukuh daya tahan ekonomi melalui pelaksanaan pelbagai langkah telah terjejas berikutan isu dan cabaran pada peringkat global dan domestik. Cabaran global, termasuk ketegangan geopolitik, gangguan perdagangan global dan rantaian bekalan serta harga komoditi dan inflasi yang lebih tinggi. Selain itu, isu domestik, termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri yang masih wujud serta ruang fiskal yang terhad. Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan dilaksana untuk menangani isu yang berlarutan ini bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

Kajian Semula Tema dan Pemangkin Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas

RMKe-12 berteraskan pelaksanaan tiga tema utama, iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan. Empat pemangkin dasar, iaitu membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam menyokong pelaksanaan tema tersebut.



Tema 1: Menjana Semula Ekonomi



Tema menjana semula ekonomi memberi tumpuan untuk **mengembalikan semula momentum pertumbuhan dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)**. Usaha telah dilaksana untuk mencergaskan semula ekonomi dengan melonjakkan pertumbuhan produktiviti, memperluas pasaran eksport, memperkukuh keberkesanan ekosistem pengantaraan kewangan, memperkukuh peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan, serta menambah baik tadbir urus dan dasar. Dalam merangsang pertumbuhan produktiviti, tumpuan telah diberi antara lain kepada memperkukuh mekanisme perancangan, penilaian dan pemantauan serta meningkatkan amalan hijau. Selain itu, langkah untuk meningkatkan sumbangan lapan industri strategik dan berimpak tinggi serta mempertingkat keupayaan usahawan dan perusahaan telah dilaksanakan. Strategi yang telah dilaksana untuk mempercepat pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi termasuk merangsang industri E&E untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi, mencergaskan semula industri pelancongan dan mempergiat aktiviti pertanian pintar. Di samping itu, strategi untuk mempertingkat keupayaan dan kemampuan usahawan dan PMKS telah dilaksana dengan mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan serta ekosistem keusahawanan yang kondusif dan menyeluruh.

Sebanyak 38 sasaran telah ditetapkan di bawah tema ini dengan 15 sasaran telah dicapai, 20 mengikut jadual, manakala tiga lagi sasaran masih ketinggalan. Dalam tempoh kajian semula, langkah mengukuhkan sektor ekonomi yang terkesan dengan COVID-19 telah menunjukkan kejayaan dalam beberapa bidang. Kejayaan ini termasuk pertumbuhan produktiviti sektor pembinaan pada 5.4% setahun, dan sektor perkhidmatan pada 3.6% serta eksport yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan sebanyak RM1,304.7 bilion pada tahun 2022, sektor perlombongan RM117.3 bilion, sektor pertanian RM120.9 bilion dan sektor pembinaan RM6.1 bilion. Di samping itu, bagi industri strategik dan berimpak tinggi, nilai eksport produk E&E mencecah RM593 bilion pada tahun 2022, purata pertumbuhan pelawat domestik meningkat 10.8% setahun sementara eksport produk halal mencatatkan nilai RM59 bilion pada tahun 2022. Selain itu, kadar pendigitalan dalam kalangan PMKS mencapai 98.1%. Walaupun telah mencatat pencapaian, Malaysia masih ketinggalan berbanding negara serantau dari aspek daya saing ekoran peralihan struktur ekonomi yang perlahan. Pencapaian sektor ekonomi dan pembangunan industri yang kurang memberangsangkan, kekurangan daya saing, kekangan dalam sektor kewangan dan pengurusan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan yang kurang berkesan serta ketidakupayaan PMKS untuk meningkatkan skala dan kekal berdaya saing terus menghalang momentum pertumbuhan.

Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti



Tema 2 memberi penekanan dalam memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Bagi memastikan **keselamatan dan kedaulatan negara**, langkah telah diambil ke arah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kegiatan ekonomi dan kehidupan yang selamat serta menjamin maruah dan daya tahan negara. Strategi utama termasuk memelihara kedaulatan negara dan meningkatkan usaha pencegahan jenayah, rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta menjaga kebajikan personel. Sehingga penghujung tahun 2022, kes jenayah indeks mencatatkan 147 kes bagi setiap 100,000 penduduk, lebih baik daripada yang disasarkan. Selain itu, baki dua sasaran adalah mengikut jadual. Meskipun langkah berterusan diambil untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan negara, beberapa cabaran masih wujud dan perlu ditangani. Cabaran ini termasuk peningkatan risiko dalam jenayah rentas sempadan, kurang penguatkuasaan di kawasan sempadan, peningkatan ancaman ke atas kedaulatan negara, peningkatan kerugian disebabkan jenayah siber dan kurang penyelarasan dalam pengurusan bencana.

Bidang keutamaan yang dilaksana untuk meningkatkan **kesejahteraan** terdiri daripada mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan bekalan rumah mampu milik yang berkualiti, memanfaatkan sukan dalam membina masyarakat yang aktif dan memperkukuh perpaduan untuk negara yang makmur. Strategi untuk penjagaan kesihatan, termasuk pelaksanaan langkah untuk memerangi penyakit tidak berjangkit, memperkukuh program penjagaan kesihatan warga emas dan mendigitalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Selain itu, antara usaha yang dilaksanakan dalam meningkatkan perumahan mampu milik adalah menambah baik akses kepada perumahan mampu milik dan memastikan perumahan yang inklusif. Strategi untuk memanfaatkan bidang sukan adalah termasuk mempromosikan sukan untuk kehidupan aktif dan sihat serta membangunkan industri sukan. Langkah yang diambil untuk memperkukuh perpaduan merangkumi program untuk menggalakkan rakyat menerima kepelbagaian sebagai aset dan membina masyarakat yang lebih toleran. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Daripada jumlah ini, dua sasaran telah dicapai, lima sasaran mengikut jadual manakala dua lagi masih ketinggalan. Bilangan katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk ialah 2.07 pada tahun 2022, melebihi sasaran 2.06 pada tahun 2025, manakala Dasar Perpaduan Negara telah digubal. Walaupun pelbagai langkah telah diambil, beberapa isu dan cabaran masih kekal dan perlu ditangani. Antara isu yang dikenal pasti termasuk jurang penjagaan kesihatan yang melebar, rumah mampu milik dan berkualiti yang belum mencukupi serta potensi sukan belum diteroka sepenuhnya untuk membina masyarakat aktif. Selain itu,

isu berkaitan perpaduan termasuk kurang interaksi sosial merentas etnik dan pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Dalam **menangani kemiskinan dan membina masyarakat inklusif**, tumpuan telah diberi untuk menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi, memperkasa B40, memberi sokongan kepada M40 dan mencapai outcome yang saksama untuk Bumiputera. Di samping itu, keutamaan telah diberi untuk meningkatkan pembangunan masyarakat Orang Asli serta memperkasa kumpulan sasar khusus. Strategi yang dilaksanakan untuk menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan, termasuk inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kumpulan miskin. Selain itu, antara strategi bagi memperkasa B40 adalah meningkatkan pendapatan dan menambah baik akses kepada perkhidmatan asas. Strategi yang dilaksanakan untuk menyokong M40 dalam mewujudkan masyarakat yang saksama termasuk usaha menggalakkan penyertaan dalam skim perlindungan pekerjaan dan kesihatan serta meningkatkan pemilikan rumah. Di samping itu, strategi untuk mencapai outcome yang saksama bagi Bumiputera termasuk meningkatkan daya tahan dan kemampunan perniagaan Bumiputera serta mengoptimumkan Tanah Rizab Melayu dan instrumen wakaf. Dua strategi yang dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunan masyarakat Orang Asli adalah memperkukuh pendidikan dan mempercepat pembangunan sosioekonomi. Dalam memperkasa kumpulan sasar khusus, usaha telah ditumpukan ke arah meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas serta memperkasakan golongan wanita. Sebanyak 18 sasaran telah ditetapkan untuk menangani kemiskinan dan membina masyarakat yang inklusif. Daripada sasaran ini, 15 adalah mengikut jadual manakala tiga masih ketinggalan. Usaha untuk membangunkan masyarakat inklusif dan lebih berdaya tahan tidak terlepas daripada cabaran, terutama kesan buruk pandemik COVID-19 ke atas mata pencarian isi rumah berpendapatan rendah serta kemerosotan kuasa beli disebabkan peningkatan kos sara hidup. Cabaran lain termasuk kelompok kemiskinan yang terus wujud, B40 dan M40 yang mudah terjejas, pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang tidak saksama, pembangunan masyarakat Orang Asli yang perlahan dan ketersisihan sosial kumpulan sasar khusus.

Dalam usaha **mempertingkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah**, langkah telah diambil untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan dan mentransformasi kawasan luar bandar. Strategi yang dilaksanakan untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah termasuk menarik pelaburan berkualiti dan memperkukuh kerjasama subserantau. Selain itu, strategi untuk membangunkan bandar yang mampan termasuk menggalakkan perancangan dan tadbir urus bandar yang berkesan serta mengutamakan pembangunan bandar hijau dan berdaya tahan. Usaha untuk mentransformasi kawasan luar bandar telah dipergiat dengan mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan serta mempelbagai dan melonjak aktiviti ekonomi. Sebanyak 24 sasaran telah ditetapkan bagi membangunkan wilayah yang inklusif. Sembilan sasaran telah dicapai manakala selebihnya adalah mengikut jadual. Walaupun usaha yang jitu telah diambil

untuk memastikan keseimbangan dan keterangkuman wilayah, jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar masih wujud. Antara isu dan cabaran utama ialah pembangunan yang tidak seimbang, daya tahan bandar yang rendah, kekangan pembangunan di kawasan luar bandar dan peluang daripada kerjasama subserantau tidak dimanfaatkan secara berkesan.

Langkah yang telah dilaksanakan untuk **mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak** termasuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, meningkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan bagi kedua-dua negeri telah diperluas untuk memudah cara aktiviti ekonomi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan. Strategi yang dilaksanakan untuk mengoptimumkan potensi ekonomi termasuk mencergaskan semula aktiviti ekonomi, meningkatkan pembangunan luar bandar dan menggalakkan pertumbuhan hijau. Selain itu, usaha telah diambil untuk menambah baik akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perumahan mampu milik. Tumpuan telah diberikan untuk memperkukuh pembangunan inklusif dengan menangani kemiskinan dan mempelbagaikan sumber pendapatan serta mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Bagi memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, antara strategi yang dilaksanakan termasuk mewujudkan ekosistem yang menyokong kerjasama dan meningkatkan jalinan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa. Sebanyak 19 sasaran telah ditetapkan, satu telah dicapai dan 18 mengikut jadual. Liputan akses kepada air bersih dan selamat untuk Sarawak mencapai 99.12% pada tahun 2022, melepasi sasaran 98% yang ditetapkan. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak terus menghadapi cabaran, seperti kekurangan infrastruktur asas serta jurang dalam pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup.



Tema 3: Melonjakkan Kemampanan



Tema 3 memberi tumpuan kepada **mempercepat pertumbuhan hijau**, mempertingkatkan kemampanan tenaga dan mentransformasi sektor air melalui pendekatan keseluruhan negara. Pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk mempercepat pertumbuhan hijau untuk kemampanan dan daya tahan. Antara strategi yang dilaksanakan ke arah pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan adalah memperkukuh tindakan ke arah negara rendah karbon, mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran dan menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam mencegah pencemaran. Selain itu, langkah memulihara ekosistem semula jadi dan meningkatkan pemuliharaan sumber air telah diambil untuk mengurus sumber asli dengan cekap. Usaha untuk memperkukuh persekitaran yang menyokong juga diberi penekanan dengan meningkatkan pembiayaan dan menggalakkan pelaburan hijau serta memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan untuk mempercepat pertumbuhan hijau. Satu sasaran telah dicapai, lima mengikut jadual dan tiga masih ketinggalan. Perolehan hijau kerajaan bagi kategori produk dan perkhidmatan hijau terpilih mencatat 27.8%, melebihi sasaran 25%. Walaupun pelbagai usaha telah diambil, cabaran dalam menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar serta kehilangan biodiversiti dan penggunaan sumber semula jadi yang tidak mampan masih berterusan. Di samping itu, pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) dan tahap menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang rendah serta tadbir urus yang kurang berkesan masih menjadi cabaran.

Dalam tempoh kajian semula, langkah telah diambil untuk **meningkatkan kemampanan tenaga** untuk semua. Usaha bersepadu telah dilaksanakan dengan memperkukuh sektor tenaga, memastikan subsektor minyak dan gas yang mampan dan progresif serta memperkukuh subsektor elektrik. Lima sasaran ditetapkan dalam memastikan tenaga yang mampan. Dua daripada sasaran telah dicapai, manakala tiga lagi mengikut jadual. *National Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Industry Blueprint, 2021-2030* telah dilancarkan pada tahun 2021 dan Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu ditangani, iaitu tekanan perubahan iklim global, pelan dan strategi yang kurang bersepadu dalam mempercepat peralihan tenaga, halangan dalam industri minyak dan gas serta pembekalan dan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) yang rendah.

Keutamaan telah diberikan untuk **mentransformasi sektor air** bagi memastikan keterjaminan bekalan. Dalam hubungan ini, tumpuan telah diberikan kepada memperkasa rakyat, memastikan pembiayaan yang mampan dan membangunkan infrastruktur mampan dengan teknologi yang berkesan kos. Lima sasaran telah ditetapkan dalam mentransformasi sektor air. Empat sasaran adalah mengikut jadual, manakala satu masih ketinggalan. Halangan utama yang mengekang transformasi sektor air adalah kerjasama dan proses membuat keputusan berpandukan data yang terhad, tadbir urus dan keupayaan kewangan yang lemah serta infrastruktur yang usang dan tidak lagi bersesuaian.

Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan



Dalam **membangunkan bakat masa hadapan**, keutamaan diberikan untuk menjajarkan semula pasaran buruh dan mempertingkatkan lagi pembangunan bakat pada semua peringkat. Antara strategi utama dalam menjajarkan semula pasaran buruh adalah menggalakkan peningkatan pampasan pekerja (CE) dan penyertaan tenaga buruh serta memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Selain itu, penekanan diberikan untuk meningkatkan kualiti program pendidikan dan latihan, memanfaatkan teknologi baru muncul, memastikan kesaksamaan outcome pembelajaran dan menangani pertindihan tadbir urus TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan dalam membangunkan bakat masa hadapan. Daripada sembilan sasaran, dua sasaran telah dicapai, enam mengikut jadual, dan satu masih ketinggalan. Produktiviti buruh per pekerja mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.7% dalam tempoh kajian semula, melebihi sasaran 3.6%. Kadar kebolehpasaran graduan di IPT dan institusi TVET awam mencapai 90.2%, melebihi sasaran 85%. Walau bagaimanapun, isu dan cabaran dalam pembangunan bakat masih berterusan, termasuk pasaran buruh yang tidak cekap dan ekosistem pendidikan yang kurang kondusif.

Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimaan Teknologi dan Inovasi



Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju. Antara strategi yang telah dilaksanakan adalah penyediaan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi digital, memperluas pendigitalan, memperkukuh keupayaan dan kemampuan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta mempercepat kesediaan menerima guna teknologi Revolusi Perindustrian Keempat. Sebanyak 20 sasaran telah ditetapkan, tiga melepasi sasaran, 16 mengikut jadual dan satu masih ketinggalan. Tiga yang telah melebihi sasaran ialah sumbangan e-dagang kepada KDNK pada 13% pada tahun 2021 berbanding 10.5%, peratusan pengguna internet pada 97.4% berbanding 90% dan kelajuan jalur lebar mudah alih pada 116 megabit sesaat (Mbps) berbanding 100 Mbps. Di sebalik pencapaian ini, masih terdapat isu dan cabaran dalam melonjakkan pendigitalan, R&D&C&I dan teknologi termaju. Isu dan cabaran ini termasuk ekosistem ekonomi digital yang kurang memberangsangkan, penggunaan sumber R&D&C&I yang kurang cekap, perkembangan teknologi yang perlahan dan jurang keterangkuman digital yang semakin melebar.

Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan



Dalam **mempertingkatkan kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik**, penekanan telah diberikan untuk memastikan mobiliti penumpang yang bersepadu, mampu bayar, berdaya harap dan lancar, memacu industri pengangkutan dan logistik agar berdaya saing serta memperkukuh rangka kerja institusi dan kawal selia. Strategi yang dilaksana untuk mobiliti penumpang termasuk meningkatkan kebolehcapaian kepada pengangkutan awam secara menyeluruh dan menggalakkan perubahan tingkah laku daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Selain itu, pelbagai usaha telah dijalankan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memanfaatkan pendigitalan, menambah baik tadbir urus dan menggalakkan inisiatif hijau bagi memacu daya saing industri pengangkutan dan logistik. Sebanyak tujuh sasaran telah ditetapkan dan dalam tempoh kajian semula, empat sasaran telah dicapai, satu mengikut jadual, manakala dua masih ketinggalan. Penumpang pengangkutan awam di *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* mencatatkan purata pertumbuhan sebanyak 6.9%, penumpang pengangkutan udara meningkat sebanyak 104.3% dan pengendalian kargo melalui rel meningkat sebanyak 32.1%. Selain itu, Malaysia berada di kedudukan ke-26 daripada 139 negara dalam *World Bank Logistics Performance Index Report 2023*, mencapai sasaran 30 teratas. Di sebalik pencapaian ini, cabaran masih wujud dalam meningkatkan kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik, termasuk ketidakcukupan data, tadbir urus yang kurang berkesan, ketersambungan dan infrastruktur yang kurang lengkap, penyelenggaraan yang tidak mencukupi dan sistem komuniti pelabuhan yang kurang berkesan.

Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam



Dalam memperkukuh **penyampaian perkhidmatan sektor awam**, usaha ditumpukan kepada membangunkan penjawat awam yang berprestasi tinggi, memperluas pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah menambah baik pengurusan sumber manusia, pentadbiran kerajaan dan kecekapan operasi, menyusun semula institusi, memperkukuh tadbir urus termasuk integriti dan ketelusan serta mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan projek. Sebanyak 10 sasaran telah ditetapkan, dan daripada sasaran ini, dua telah dicapai, dua mengikut jadual dan enam masih ketinggalan. *Pekeliling Waktu Bekerja Fleksibel* dalam Perkhidmatan Awam telah dikeluarkan pada tahun 2021, manakala jumlah keseluruhan perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir Kerajaan Persekutuan mencapai 81.3% pada tahun 2022, melebihi sasaran 80%. Walau bagaimanapun, pelbagai isu dan cabaran masih dihadapi, termasuk kelemahan dalam tadbir urus, kekangan dalam pembangunan modal insan dan pendigitalan, persekitaran perniagaan yang kurang kondusif, ruang fiskal yang terhad dan pengurusan projek yang kurang cekap.











Malaysia MADANI dan Kajian Separuh Penggal

Malaysia MADANI dilancarkan pada bulan Januari 2023 dengan aspirasi untuk membangunkan Malaysia sebagai negara yang bertamadun. Ia memberi tumpuan kepada enam nilai teras iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Aspirasi ini disokong oleh lapan elemen penting iaitu ekonomi, perundangan, institusi, pendidikan, budaya, masyarakat, bandar dan luar bandar. Tiga teras strategik diperkenalkan, iaitu memajukan kemampanan ekonomi negara, mereformasi institusi dan tatakelola dan menegakkan keadilan sosial.

Rangka kerja 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' pula diperkenalkan pada 27 Julai 2023 sebagai wadah untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara. Tumpuan utama adalah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia ke arah menjadi peneraju ekonomi Asia. Aspirasi Malaysia MADANI dan rangka kerja 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' menjadi induk kepada KSP RMKe-12 yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu. Rangka kerja KSP RMKe-12 dengan tema **Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi** adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan O-1*. Tema ini disokong oleh pemacu utama **mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam** dan tiga fokus utama, iaitu **memperkukuh kemampanan, membangun masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi**.

Paparan O-1

Kerangka Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas







<p>Rangka kerja KSP RMKe-12 mengetengahkan, 17 Anjakan Besar 'Big Bolds' untuk memangkin pembangunan sosioekonomi melalui pemacu utama dan tiga fokus utama</p>	 Aspirasi	 Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat		
	 Tema	Malaysia Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi		
	 Pemacu utama	Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam		 <ol style="list-style-type: none"> Tatakelola dan rangka kerja institusi Perundangan berkaitan rasuah
	 Fokus utama	 <p>Memperkukuh kemampanan</p> <ol style="list-style-type: none"> Kemampanan fiskal dan sistem kewangan Industri HGHV berasaskan peralihan tenaga Subsidi bersasar 	 <p>Membangun masyarakat sejahtera</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembudayaan masyarakat MADANI Reformasi perlindungan sosial Perumahan untuk rakyat Pengukuhan perkhidmatan kesihatan Pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara 	 <p>Mencapai negara berpendapatan tinggi</p> <ol style="list-style-type: none"> Industri HGHV berasaskan teknologi dan digital Industri HGHV E&E bernilai tinggi HGHV pertanian dan industri asas tani Industri HGHV nadir bumi Pemeriksaan PMKS dan perusahaan sosial Pengukuhan jaringan pengangkutan awam Ketersediaan bakat masa hadapan







KSP RMKe-12 mengenal pasti 17 Anjakan Besar untuk memangkin pembangunan sosioekonomi dalam tempoh akhir RMKe-12. Perincian Anjakan Besar ini adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan O-2*. Anjakan Besar ini akan dilaksanakan melalui sekurang-kurangnya 71 strategi dan inisiatif merentas pemacu utama dan tiga fokus utama. Pencapaian Anjakan Besar ini akan dipantau berdasarkan pelbagai sasaran terpilih yang telah ditetapkan dan 21 daripada sasaran tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan O-3*.

Paparan O-2

17 Anjakan Besar serta 71 Strategi dan Inisiatif Utama

Anjakan Besar	Strategi/Inisiatif Utama
 <p>Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh tatakelola dan integriti untuk membina semula kepercayaan dan keyakinan rakyat • Memantapkan struktur institusi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam • Memperkasakan peranan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan awam • Membangunkan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR) untuk menambah baik pengurusan bencana
 <p>Perundangan Berkaitan Rasuah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan rangka kawal selia bagi menambah baik akauntabiliti dan ketelusan • Memperkenalkan pelan integriti berasaskan nilai murni MADANI • Menggubal undang-undang berkaitan <i>anti rent-seeking</i>
 <p>Kemampuan Fiskal dan Sistem Kewangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan akta tanggungjawab fiskal • Mempercepat penggubalan akta perolehan kerajaan • Memperluas asas hasil • Menyelaras semula lebihan dana di bawah badan berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan • Meningkatkan keberkesanan kos dalam pelaksanaan projek • Memperkukuh Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global
 <p>Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) • Mewujudkan sistem pasaran elektrik (<i>electricity exchange system</i>) bagi membolehkan perdagangan TBB • Meningkatkan kapasiti TBB - solar, hidro, biotenaga dan hidrogen • Memperkenalkan pelan hala tuju gas asli • Mempercepat penyediaan kerangka perundangan dan kawal selia pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) • Merangka strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) • Melaksanakan <i>carbon pricing</i> • Mempercepat langkah menerima pakai prinsip ESG


Anjakan Besar	Strategi/Inisiatif Utama
 <p data-bbox="331 388 505 413">Subsidi Bersasar</p>	<ul data-bbox="579 378 1364 430" style="list-style-type: none"> • Menyasarkan semula semua jenis subsidi seperti elektrik, diesel dan RON95 • Membangunkan repositori data isi rumah, Pangkalan Data Utama (PADU)
 <p data-bbox="331 552 479 631">Pembudayaan Masyarakat MADANI</p>	<ul data-bbox="579 517 1489 673" style="list-style-type: none"> • Membangunkan masyarakat progresif • Membentuk jati diri berteraskan Rukun Negara • Menyemarakkan semangat kenegaraan dan perpaduan melalui program <i>flagship</i> Kembara Perpaduan • Membangunkan insan MADANI melalui penerapan elemen dan nilai Maqasid Syariah • Meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan
 <p data-bbox="331 760 539 812">Reformasi Perlindungan Sosial</p>	<ul data-bbox="579 708 1529 864" style="list-style-type: none"> • Memperkasa sistem perlindungan sosial negara melalui pendekatan sepanjang kitaran hayat kehidupan (<i>life-cycle approach</i>) • Menyediakan garis panduan pekerja tidak formal untuk perlindungan sosial yang lebih komprehensif • Memperluas program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) meliputi miskin tegar, miskin dan B40 bagi meningkatkan pendapatan
 <p data-bbox="331 951 517 1003">Perumahan untuk Rakyat</p>	<ul data-bbox="579 942 1355 1020" style="list-style-type: none"> • Mempercepat peralihan daripada konsep pemilikan kepada tempat tinggal • Memperkenalkan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan • Memanfaatkan potensi perkampungan persaraan
 <p data-bbox="331 1124 479 1204">Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan</p>	<ul data-bbox="579 1116 1355 1220" style="list-style-type: none"> • Memperkukuh pembiayaan perlindungan kesihatan • Memperluas skim perubatan MADANI • Memperkenalkan mekanisme perolehan peralatan kesihatan secara sewaan • Menubuhkan institut kesihatan mental kebangsaan
 <p data-bbox="331 1315 534 1395">Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara</p>	<ul data-bbox="579 1307 1472 1411" style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan keselamatan sempadan negara • Memperkukuh kesiapsiagaan dan keupayaan mengurus ancaman keselamatan • Menubuhkan <i>Prison Incorporated</i> sebagai penyelaras dalam mempertingkatkan program pemulihan banduan
 <p data-bbox="331 1489 487 1604">Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital</p>	<ul data-bbox="579 1472 1551 1628" style="list-style-type: none"> • Mempercepat pendigitalan melalui <i>Government Technology (GovTech)</i> • Mempercepat pelaksanaan Identiti Digital Nasional • Melaksanakan program kepimpinan dan peningkatan kemahiran digital peringkat nasional • Memperkukuh ekosistem <i>tech start-up</i> – tumpuan kepada pelabur budiman (<i>angel investors</i>) dan syarikat pemula di peringkat pembentukan (<i>seed companies</i>) • Memantapkan program INNOVATHON sebagai platform untuk menggalakkan inovasi

Anjakan Besar	Strategi/Inisiatif Utama
 <p>Industri HGVT E&E Bernilai Tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh ekosistem <i>front end</i> bagi menggalakkan peralihan kepada rantaian nilai yang lebih tinggi • Menumpukan kepada aktiviti bernilai tinggi dalam reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer • Meningkatkan pelaburan berkualiti yang mengutamakan teknologi termaju
 <p>HGVT Pertanian dan Industri Asas Tani</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh pertanian moden dengan melibatkan pelaburan swasta untuk mempercepat penerimgunaan teknologi pertanian pintar • Mempelbagaikan industri berasaskan pertanian untuk mengurangkan import makanan • Menggalakkan pertanian rendah karbon • Memperluas program Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah IPR sebagai strategi untuk mengukuhkan rantaian bekalan makanan dan meningkatkan pendapatan
 <p>Industri HGVT Nadir Bumi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan model perniagaan industri nadir bumi yang komprehensif pada peringkat hulu, pertengahan dan hiliran • Melaksanakan pemetaan sumber nadir bumi secara terperinci di negeri-negeri yang memiliki potensi sumber nadir bumi • Mengkaji semula Dasar Mineral Negara 2 bagi menyokong dan menetapkan hala tuju industri mineral termasuk nadir bumi • Mempertingkatkan <i>research & development & commercialisation & innovation</i> (R&D&C&I) bagi mengetengahkan hasil dan produk nadir bumi tempatan
 <p>Pemeriksaan PMKS dan Perusahaan Sosial</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global • Menggalakkan pembiayaan alternatif untuk PMKS • Mempercepat pertumbuhan produktiviti PMKS melalui penerimgunaan teknologi • Meningkatkan skala PMKS melalui usaha sama pintar • Mengalakkan perusahaan sosial terlibat dalam projek keusahawanan sosial yang inovatif • Mengoptimalkan potensi wakaf untuk pengembangan perusahaan
 <p>Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui perluasan perkhidmatan <i>Bus Rapid Transit</i> (BRT) dan bas dalam bandar • Memperkukuh data mobiliti penumpang • Meningkatkan kebolehcapaian dan ketersambungan untuk memudah cara pergerakan penumpang dan barangan yang lebih baik • Melaksanakan penerbangan hijau melalui peningkatan kecekapan pengurusan trafik udara
 <p>Ketersediaan Bakat Masa Hadapan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan dasar gaji progresif • Mempercepat pelaksanaan levi pelbagai peringkat • Melaksanakan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang berterusan • Memperkenalkan program Akademi dalam Industri (Ail) sebagai platform kerjasama kerajaan dan industri


Paparan O-3

Sasaran Terpilih Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

Memperkukuh Kemampanan




Membangunkan Masyarakat Sejahtera



Nota: ^aInternet merangkumi WiFi dan 4G.

Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi



Hala Tuju, 2023–2025

Prospek Ekonomi Makro

Dalam tempoh akhir RMKe-12, ekonomi dijangka berkembang antara 5% hingga 5.5% setahun didorong oleh permintaan dalam negeri, terutama disumbang oleh perbelanjaan sektor swasta. Usaha akan dipergiat bagi menambah baik pertumbuhan produktiviti buruh yang dianggarkan meningkat sebanyak 3.8% setahun. Peningkatan ini akan disokong oleh penambahbaikan dalam pasaran buruh dengan ekonomi kekal pada tahap guna tenaga penuh. Jangkaan penambahbaikan dalam pasaran buruh akan menyumbang ke arah pencapaian sasaran 40% bahagian CE daripada KDNK pada tahun 2025 dan akhirnya 45% dalam tempoh 10 tahun. PNK per kapita pada harga semasa diunjurkan mencapai RM61,000 (AS\$14,250) pada tahun 2025. Selain itu, kadar inflasi dijangka kekal terkawal antara 2.8% hingga 3.8% setahun. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan. Di samping itu, pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman dijangka menyokong pemulihan sektor pembinaan. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan akan merintis jalan ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi dan menjadi antara 30 ekonomi terbesar di dunia.

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Dalam tempoh akhir RMKe-12, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk mempertingkatkan tadbir urus berasaskan nilai murni dengan menambah baik akauntabiliti dan ketelusan serta memperkukuh dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam. Strategi ini akan disokong melalui dua Anjakan Besar, iaitu Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi serta Perundangan berkaitan Rasuah. Dalam hubungan ini, inisiatif yang akan dilaksana termasuk memperkukuh struktur institusi kementerian dan agensi serta memantapkan peranan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Di samping itu, usaha memantapkan modal insan perkhidmatan awam akan dilaksana dengan membangunkan pemimpin berkualiti dan meningkatkan kompetensi penjawat awam.

Selaras dengan pendekatan keseluruhan negara, transformasi digital juga akan dipercepat dengan menambah baik perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir dan menggalakkan perkongsian data. Di samping itu, pemodenan perkhidmatan awam akan dilaksana melalui *Government Technology (GovTech)* yang merangkumi perkhidmatan awam

yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit. Pelaksanaan Identiti Digital Nasional akan dipercepat di bawah *GovTech*. Usaha ini adalah antara inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri Berasaskan Teknologi dan Digital. Selain itu, di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar, Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibangunkan sebagai repositori data untuk menyokong pengagihan subsidi dan bantuan bersasar dengan tepat dan telus bagi menangani isu sosioekonomi setiap isi rumah. Rangka kerja institusi dan perniagaan juga akan diperkukuh dengan menyemak semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi serta meningkatkan keberkesanan dalam memudah cara urusan menjalankan perniagaan.

Kerajaan juga akan memberi keutamaan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan belanjawan dan projek ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih baik. Dalam hubungan ini, melalui Anjakan Besar Kemampuan Fiskal dan Sistem Kewangan, Kerajaan akan mempercepat penggubalan akta perolehan, menambah baik penjaan hasil dan mengoptimumkan lebihan dana di bawah badan berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan. Inisiatif ini akan memacu usaha untuk memperkukuh kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.

Bidang Fokus Utama

Tiga bidang fokus utama yang digariskan di bawah KSP RMKe-12 adalah memperkukuh kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Setiap bidang fokus ini dilengkapi dengan strategi dan inisiatif yang komprehensif bagi menangani isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti. Pelaksanaan bidang fokus ini akan memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang betul ke arah mencapai wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'.

Memperkukuh Kemampuan

KSP RMKe-12 akan terus memberi tumpuan untuk memperkukuh kemampuan dengan melonjakkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kemampuan fiskal dan mempercepat peralihan kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan. Usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkukuh perdagangan luar dalam rantaian nilai global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri serta mengurus inflasi. Dalam hubungan ini, langkahan akan diambil untuk memperkukuh daya saing dan produktiviti. Keutamaan akan diberi untuk mempercepat pembangunan sumber pertumbuhan baharu, terutama dalam industri *high growth high value* (HGHV). Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti

dalam industri berasaskan teknologi bagi merangsang pertumbuhan sektor dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Dalam meningkatkan kemampunan fiskal, penekanan akan diberi untuk memperkukuh tadbir urus fiskal, memperluas asas hasil, menyasarkan semula subsidi serta menambah baik pengurusan belanjawan, hutang dan liabiliti ke arah mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.5% hingga 3% kepada KDNK pada tahun 2025. Pengurusan fiskal akan ditambah baik dengan menggubal undang-undang mengenai tanggungjawab fiskal serta merangka akta baharu mengenai hutang dan perolehan. Di samping itu, pengurusan hasil akan ditambah baik dengan memperluas asas cukai serta menerima guna teknologi dan pendigitalan untuk memastikan kutipan yang lebih baik.

Usaha akan diambil untuk melaksanakan Subsidi Bersasar sebagai satu daripada Anjakan Besar dalam memastikan kumpulan sasar yang tepat mendapat manfaat daripada bantuan yang disediakan serta memastikan perbelanjaan fiskal yang berhemat. Dalam hubungan ini, PADU akan dimanfaat sebagai sistem rujukan berpusat untuk menyasarkan pemberian bantuan berdasarkan pendapatan boleh guna isi rumah. Antara subsidi ini termasuk elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial lain.

Peralihan tenaga memberi peluang yang signifikan kepada Malaysia untuk meneroka potensi pertumbuhan hijau. Peralihan ini termasuk perubahan ke arah Industri HGHV berasaskan Peralihan Tenaga yang merupakan satu daripada Anjakan Besar. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju peralihan tenaga negara akan dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan sumber TBB seperti solar, biotenaga dan hidrogen. Selain itu, sistem pasaran tenaga elektrik untuk membolehkan perdagangan TBB rentas sempadan dengan memanfaatkan permintaan TBB serantau yang semakin meningkat akan dibangunkan. Manakala, penyediaan rangka kerja kawal selia untuk pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) akan dipercepatkan. Di samping itu, bagi mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050, strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) akan digubal dan mekanisme *carbon pricing* akan dilaksanakan. Usaha untuk mencapai peralihan tenaga yang saksama adalah komponen penting dalam penstrukturan semula ekonomi, pewujudan pekerjaan, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan.

Dalam usaha melonjakkan kemampunan, perubahan iklim dan cabaran dalam sekitar yang lain akan ditangani, termasuk dalam sektor tenaga dan air. Untuk mempercepat pelaksanaan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, strategi akan ditumpukan, antara lain untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran dan menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam pencegahan pencemaran. Penekanan

akan diberi untuk memulihara ekosistem semula jadi dan memperkukuh pengurusan air bagi mengurus sumber asli secara cekap. Usaha akan dipergiat untuk mempercepat pelaksanaan SDG dan menerima pakai ESG. Langkah untuk memperkukuh persekitaran yang menyokong akan ditumpukan kepada mempertingkatkan tadbir urus kemampunan serta memupuk rasa pemilikan dan kebertanggungjawaban bersama.

Membangunkan Masyarakat Sejahtera

Usaha untuk membina masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan akan diteruskan dalam tempoh akhir RMKe-12 bagi membangunkan masyarakat yang sejahtera. Dalam menangani dan membasmi kemiskinan, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik taraf hidup. Langkah untuk memperkasa isi rumah mudah terjejas termasuk meluaskan peluang ekonomi dan perlindungan, serta menambah baik akses kepada perkhidmatan asas. M40 akan terus dibantu bagi meningkatkan pendapatan dan akses kepada perumahan serta menambah baik perlindungan kesihatan dan pekerjaan. Usaha untuk menambah baik akses kepada peluang dan memperkukuh perlindungan sosial adalah penting untuk mengurangkan ketidaksamarataan. Selain itu, strategi untuk membangunkan perniagaan dan meningkatkan penciptaan kekayaan akan dipergiat bagi memastikan outcome yang lebih saksama untuk Bumiputera. Penekanan akan diberi untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi komuniti Orang Asli. Strategi untuk memperkasakan kumpulan sasar khusus termasuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas serta pemeraksanaan gender.

Reformasi Perlindungan Sosial akan dilaksanakan sebagai satu daripada Anjakan Besar untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam membantu golongan miskin dan mudah terjejas. Reformasi ini akan dilaksanakan secara menyeluruh pada peringkat Persekutuan dan negeri. Dalam hubungan ini, sistem perlindungan sosial akan diperkukuh dengan mengambil kira pelbagai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh individu melalui pendekatan sepanjang hayat.

Strategi utama dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan termasuk memelihara kedaulatan negara serta mempergiat usaha pencegahan jenayah dan rehabilitasi. Strategi ini akan disokong melalui pelaksanaan Anjakan Besar Memperkukuh Keselamatan dan Pertahanan Negara. Inisiatif di bawah Anjakan Besar ini termasuk mempertingkatkan keselamatan sempadan negara, kesiapsiagaan dan keupayaan dalam mengurus ancaman keselamatan serta menubuhkan *Prison Incorporated* sebagai penyelaras dalam mempertingkatkan program pemulihan banduan. Selain itu, antara langkah yang akan dipergiat dalam memperkukuh perpaduan termasuk menggalakkan rakyat menerima kepelbagaian

sebagai aset negara. Langkah membangunkan insan MADANI melalui penerapan elemen dan nilai prinsip Maqasid Syariah dan masyarakat yang progresif adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI. Selain itu, pembentukan jati diri berteraskan Rukun Negara dan usaha menyemarakkan semangat kenegaraan dan perpaduan melalui program *flagship* Kembara Perpaduan serta langkah untuk meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan juga akan dilaksana di bawah Anjakan Besar ini. Di samping itu, strategi akan dilaksana untuk mengaktifkan semula aktiviti sukan dan membangunkan industri sukan dalam membina masyarakat yang aktif.

Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan merupakan satu daripada Anjakan Besar yang akan dilaksana bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penyewaan peralatan perubatan akan diperkenalkan sebagai peralihan besar untuk memastikan ketersediaan peralatan perubatan yang terbaik dari segi fungsi, penyelenggaraan dan prestasi dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkesan. Inisiatif ini juga akan menangani isu kos yang tinggi dalam perolehan dan penggantian peralatan perubatan disebabkan oleh kepesatan kemajuan teknologi.

Bekalan rumah yang berkualiti dan mampu milik akan ditingkatkan dengan menambah baik akses dan menyediakan perumahan mampu milik yang inklusif. Anjakan Besar Perumahan untuk Rakyat akan dilaksana dengan mempercepat peralihan daripada konsep pemilikan rumah kepada tempat tinggal. Program Sewa untuk Beli akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perumahan, manakala kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan dalam menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk memastikan perumahan inklusif yang akan memberi manfaat kepada warga emas. Pelaksanaan pelbagai langkah bagi menggalakkan keharmonian sosial yang lebih baik serta kehidupan yang lebih selamat, kondusif dan sihat untuk rakyat akan menyokong pembangunan masyarakat sejahtera.

Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi

Langkah untuk melonjakkan daya tahan ekonomi akan diambil untuk mencapai negara berpendapatan tinggi. Tumpuan akan diberi dalam memperkukuh daya tahan sektor dan industri strategik, memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, melonjakkan keberkesanan sokongan kewangan serta menyusun strategi untuk memperkukuh kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS bagi melonjakkan pertumbuhan dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi. Reformasi struktur ekonomi akan dipercepat dengan sasaran untuk menjadi peneraju serantau dalam industri HGHV. Dalam

hubungan ini, Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi akan diberi tumpuan sebagai satu daripada Anjakan Besar dengan memberi keutamaan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan pelaburan berkualiti. Tumpuan akan diberi dalam pelaksanaan Anjakan Besar HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani, termasuk melalui inisiatif untuk mempercepat pemodenan dengan penglibatan pelaburan swasta dalam menerima guna teknologi pertanian pintar serta menggalakkan pertanian rendah karbon.

Industri nadir bumi bukan radioaktif akan dibangunkan secara menyeluruh sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGHV Nadir Bumi untuk memaksimumkan sumbangan kepada ekonomi. Bagi menyokong usaha ini, beberapa inisiatif akan dilaksana, termasuk menyemak semula Dasar Mineral Negara 2 dan membangunkan model perniagaan nadir bumi yang komprehensif. Selain itu, aktiviti R&D&C&I akan ditingkatkan untuk membangunkan dan mempromosi produk nadir bumi tempatan yang bernilai tinggi pada peringkat pertengahan dan hiliran.

Dalam memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, langkah akan diambil untuk mempertingkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, meningkatkan pemerolehan bakat, memperkukuh rantaian nilai dan menambah baik mekanisme tadbir urus. Selain itu, keberkesanan sokongan kewangan akan ditingkatkan, terutama dengan memperkukuh Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan. Di samping itu, kawasan perindustrian dan kawasan pengeluaran makanan akan dipertingkatkan sebagai pemangkin pertumbuhan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan diperluas dan industri asas tani akan dipelbagaikan sebagai inisiatif di bawah Anjakan Besar pertanian.

Langkah untuk mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS akan diambil dengan mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global serta mempercepat pertumbuhan produktiviti PMKS. Perusahaan sosial akan digalakkan untuk terlibat dalam projek keusahawanan sosial yang berinovatif. Strategi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Anjakan Besar Memperkasa PMKS dan Perusahaan Sosial. Langkah ini akan menyumbang kepada pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi, berdaya saing dan berdaya tahan untuk pertumbuhan mampan.

Langkah akan diambil untuk memperkukuh pemangkin utama dalam mempercepat pertumbuhan ekonomi, iaitu bakat, teknologi, R&D&C&I dan pendigitalan serta infrastruktur pengangkutan dan logistik. Reformasi

pasaran buruh akan dilaksana untuk meningkatkan kecekapan. Usaha bagi membentuk semula bakat untuk pekerjaan masa hadapan adalah termasuk memperkukuh inisiatif pendidikan dan mempertingkatkan ekosistem TVET. Ketersediaan Bakat Masa Hadapan adalah satu daripada Anjakan Besar yang dilengkapi dengan program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang berterusan serta pengenalan program Akademi dalam Industri. Langkah ini akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih kukuh dan memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan industri.

Model gaji progresif akan diperkenalkan untuk mempercepat pertumbuhan kadar upah dan menangani isu berkaitan bahagian pampasan pekerja kepada KDNK yang rendah. Selain itu, pelan tindakan akan dirangka untuk memastikan bilangan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah tenaga kerja. Pelan tindakan ini termasuk melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat dan menggalakkan automasi dan mekanisasi. Pelaksanaan pelan tindakan ini akan meningkatkan peluang peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula untuk pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Skim perlindungan sosial yang meliputi kecederaan di luar waktu bekerja dan tidak berkaitan dengan pekerjaan akan diperkenalkan bagi menambah baik kebajikan pekerja. Di samping itu, garis panduan untuk pekerja sektor informal, termasuk klasifikasi pekerja gig sebagai pekerja, akan dirangka.

Keutamaan akan diberikan untuk melonjakkan pertumbuhan Industri HGVH Berasaskan Teknologi dan Digital sebagai satu daripada Anjakan Besar. Persekitaran yang menyokong akan dipertingkatkan dengan mewujudkan dasar digital yang inklusif dan membangunkan infrastruktur yang kondusif. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan aktiviti R&D&C&I dan teknologi termaju. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam program INNOVATHON yang menggalakkan inovasi dalam kalangan rakyat. Ekosistem modal teroka juga akan diperkukuh dengan memberi tumpuan kepada pelabur budiman dan dana pemula bagi menggalakkan keusahawanan dan inovasi. Langkah ini akan mewujudkan ekosistem dinamik yang menyokong pembangunan sosioekonomi dan masyarakat yang inklusif serta peningkatan daya saing global.

Penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Strategi yang akan dilaksana termasuk memperkukuh tadbir urus dan ketersambungan,

menambah baik penyelenggaraan serta meningkatkan daya saing logistik dan fasilitasi perdagangan. Dalam hubungan ini, Anjakan Besar Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam diperkenalkan bagi menyediakan akses dan ketersambungan yang lebih baik. Di bawah Anjakan Besar ini, inisiatif yang akan dilaksana termasuk memperluas perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) dan bas dalam bandar, memperkukuh data mobiliti penumpang, memudah cara pergerakan penumpang dan barangan yang lebih baik serta melaksanakan penerbangan hijau. Pelaksanaan usaha ini akan menambah baik mobiliti penumpang, meningkatkan produktiviti industri dan memenuhi keperluan pasaran global.

Tumpuan yang lebih akan diberi untuk menggalakkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah dengan mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan luar bandar dan bandar mampan serta mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau. Langkah untuk mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah termasuk menarik pelaburan berkualiti di kawasan khusus. Pembangunan luar bandar akan dipergiat dengan memperluas penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan serta memanfaatkan potensi ekonomi setempat. Peluang daripada kerjasama subserantau akan dioptimumkan untuk mempercepat pembangunan di kawasan sempadan. Selain itu, pembangunan di Sabah dan Sarawak akan dipercepat dengan merancang aktiviti ekonomi dan menambah baik akses kepada infrastruktur asas. Usaha ini akan mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri di samping menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan inklusif serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.



Kesimpulan

KSP RMKe-12 menggariskan pencapaian bagi tahun 2021-2022, mengetengahkan isu dan cabaran yang perlu ditangani serta menetapkan hala tuju bagi tahun 2023-2025 ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi. Dalam tempoh kajian semula, pertumbuhan ekonomi adalah memberangsangkan walaupun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar. Pelaksanaan semua inisiatif pembangunan perlu dipercepat bagi memastikan cabaran domestik dan global ditangani secara berkesan. Kejayaan pelaksanaan 17 Anjakan Besar adalah penting dalam memacu pencapaian sasaran yang ditetapkan, selaras dengan wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'.



